


- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Guru akan menyediakan bahan-bahan untuk menghasilkan tempat letak buku.
 3. Panduan aktiviti menghasilkan tempat letak buku:

- (a) Bahan-bahan :
Sediakan kotak terpakai, gunting, pembaris, pensel, pita pelekat dan kertas warna.
- (b) Langkah-langkah :
(i) Lukis garisan condong di hadapan kotak terpakai dengan pensel dan pembaris.
(ii) Gunting bahagian yang dilukis dengan hati-hati.
(iii) Balut kotak dengan kertas warna atau bercorak supaya kelihatan cantik.
(iv) Hias kotak dengan pelekat atau lukisan sendiri.
(v) Masukkan buku ke dalam tempat letak buku yang telah siap.

Gambar Contoh



4. Hasil tempat letak buku yang telah siap perlu dipamerkan untuk dilawat oleh kumpulan lain. Kumpulan lain akan memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan tersebut.
5. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.